

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 6 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23026

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam penyelesaian jangka pendek masalah air di negeri Sabah seperti yang diumumkan sebanyak RM320.25 juta (jangka pendek) dan apakah jangkaan bantuan jangka panjang mengatasi masalah bekalan air di negeri Sabah.

2. PR-1531-L23954

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian berikutan prestasi merosot Malaysia dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) 2022 bagi skor Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

3. PR-1531-L22987

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini penggunaan teknologi solar di Malaysia khususnya bagi penggunaan domestik:-

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk menurunkan harga pemasangan solar bagi rakyat yang tidak berkemampuan; dan
- (b) jumlah syarikat yang menawarkan model langganan Kos Modal Sifar bagi rumah kediaman.

4. PR-1531-L23870

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan kadar gaji baharu untuk anggota polis memandangkan kadar gaji terkini tidak kompetitif dengan keadaan ekonomi semasa dan tidak sepadan dengan tanggungjawab dan peranan anggota polis menjaga keselamatan negara.

5. PR-1531-L23328

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) berapa peruntukan di bawah Bajet 2024 yang dikhususkan untuk penggajian pekerja-pekerja sektor perkhidmatan sosial dalam JKM; dan
- (b) dari jumlah peruntukan tersebut, berapa bilangan pekerja yang kini dalam sistem penggajian Kementerian dan bilangan pekerja baharu yang akan digaji dalam tahun 2024.

6. PR-1531-L23417

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Indeks Perpaduan Nasional Negara dan apakah situasi perpaduan negara pada masa ini serta apakah jenis program yang efektif yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengeratkan lagi perpaduan, persefahaman dan penerimaan rakyat negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

7. PR-1531-L22942

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pada tahap manakah keberkesanan Bank Negara Malaysia dalam mengesan dan memperoleh semula aset atau wang hasil pemerdayaan seperti penipuan pelaburan, skim ponzi dan atas talian. Nyatakan tindakan kepada syarikat yang mengelirukan pelabur mereka dengan mendakwa memperoleh lesen dan kelulusan BNM.

8. PR-1531-L23780

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik jumlah permohonan pinjaman di bawah TEKUN bermula dari tahun 2020 sehingga 2023 dan tempoh masa serta syarat-syarat permohonan dan berapa jumlah permohonan yang telah diluluskan.

9. PR-1531-L22815

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah langkah-langkah diambil untuk memastikan universiti swasta dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui inovasi dan penyelidikan.

10. PR-1531-L23317

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam pengekstrakan dan pembangunan Industri Nadir Bumi (REE) di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah dan tindakan Kerajaan dalam menangani isu bahawa kebanyakan sumber nadir bumi berada dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK).

11. PR-1531-L22832

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan SJK(T) melalui pakej Rangsangan Khas 2012/2013 dan Rancangan Malaysia Ke -10/11 yang mengalami kelewatan dalam kerja-kerja pembinaan dan tarikh jangka siap serta beroperasi .

12. PR-1531-L23969

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan program-program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan penjara Malaysia dan sejauh manakah ia dapat menyelesaikan masalah kesesakan banduan.

13. PR-1531-L22909

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional pengamal khidmat perubatan tradisional dan komplementari kesihatan (TCM) perlu membayar semula tunggakan SST sejak tahun 2018 melalui *voluntary disclosure program* (VDP) dan apakah pertimbangan Kerajaan untuk memberikan pengecualian sepenuhnya bagi perkhidmatan TCM ini dari dikenakan SST sebagaimana perkhidmatan perubatan moden.

14. PR-1531-L23847

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan tuntas untuk meningkatkan jumlah graduan sektor elektrik dan elektronik (E&E) di institusi pengajian tinggi bagi menampung permintaan pasaran industri berteknologi tinggi dalam negara.

15. PR-1531-L22927

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam melibatkan cabang legislatif untuk pembangunan dasar serta pengawal seliaan industri dan ekosistem pemanfaatan mineral kritikal serta strategik, khususnya dalam pemurnian bidang-bidang kuasa Persekutuan dan negeri-negeri.

16. PR-1531-L23989

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek naik taraf tandas sekolah, kenapa berlaku projek yang gagal dilakukan dengan sempurna.

17. PR-1531-L24336

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan program serta bantuan keusahawanan yang disalurkan untuk penduduk B40 di kawasan luar bandar seperti di kawasan Baram . Nyatakan jumlah golongan B40 serta jumlah peruntukan keusahawanan yang disalurkan di kawasan Baram sejak tahun 2020 sehingga 2023 .

18. PR-1531-L24094

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status projek-projek penyelenggaraan kuarters daif milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara sehingga kini.

19. PR-1531-L22886

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) adakah kerajaan berhasrat untuk menambah bilangan pekerja sosial dalam tahun 2024 dan memastikan mereka berkelayakan sekurang-kurangnya diploma atau ijazah dalam bidang kerja sosial; dan
- (b) apakah nisbah pekerja sosial yang berkelayakan sedemikian kepada penduduk yang Kerajaan ingin capai.

20. PR-1531-L23896

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka mengawal tatabahasa berasaskan wibawa Bahasa Kebangsaan dalam papan pengiklanan di seluruh negara.

21. PR-1531-L24274

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan prosedur operasi standard (SOP) dalam permohonan kewarganegaraan mengikut Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengeluarkan garis panduan lanjutan semasa tempoh pemprosesan permohonan kewarganegaraan .

22. PR-1531-L23420

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif yang telah dilaksanakan untuk membantu pengusaha-pengusaha perniagaan PKS yang terjejas akibat ketidaktentuan naik turun harga barang mentah, nilai ringgit dan kekurangan bekalan dalam pasaran.

23. PR-1531-L23489

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tujuan saluran pengambilan *Direct Intake* bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan berapa yuran pengajian yang dikutip dari pelajar *Direct Intake* mengikut pecahan IPTA antara tahun 2019 hingga 2023.

24. PR-1531-L23961

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa perjanjian dengan syarikat pengoperasi permohonan visa luar negara ditamatkan tiba-tiba sebelum tamat tempoh dengan notis beberapa hari sahaja dan apa langkah Kerajaan untuk membayar kembali kos jutaan ringgit yang telah mereka laburkan.

25. PR-1531-L22805

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapakah tuala wanita dan sabun yang dibekalkan secara percuma kepada banduan wanita dan mereka yang menunggu hukuman mati (jika berbeza); dan

- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan sanitori penjagaan haid di kalangan banduan wanita.

26. PR-1531-L23986

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan silibus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu bagi murid sekolah rendah yang dilihat terlalu tinggi sehingga sukar difahami.

27. PR-1531-L22918

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan penambahbaikan yang boleh dibuat oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam kes pendatang asing tanpa izin (PATI) lolos dari Depoh Tahanan.

28. PR-1531-L22928

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah kes penyalahgunaan dadah dan jenayah berkaitan dadah telah dilapor dan diselesaikan di Parlimen Tanjong Manis sepanjang tahun 2023. Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian supaya dapat membendung masalah ini.

29. PR-1531-L22850

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan atau menaik taraf teknologi keselamatan di setiap depoh tahanan imigresen bagi mengelak insiden tahanan melarikan diri berulang pada masa akan datang.

30. PR-1531-L23932

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh mana kajian dan perincian mengenai akaun KWSP ketiga telah dijalankan; dan
- (b) adakah ianya masih akan dilaksanakan pada April 2024.

31. PR-1531-L24091

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan proaktif daripada aspek perancangan bersinergi Bandar Raya Klang oleh Kementerian Dalam Negeri bersama Majlis Bandaraya Klang dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengatasi keadaan kadar indeks jenayah yang semakin meningkat di seluruh negara khususnya Klang yang telah dilabel sebagai Colombia antara semua bandar-bandar di Malaysia.

32. PR-1531-L23492

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah pinjaman baharu dalam bentuk bon kerajaan dan lain-lain pinjaman, bayaran balik bon Kerajaan serta status hutang Kerajaan bagi tahun 2022 dan 2023.

33. PR-1531-L23887

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tahap ketersediaan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) memandangkan penangguhan pengumuman semasa COP28 dan adakah ia masih selari dengan sasaran negara karbon sifar bersih 2050.

34. PR-1531-L22875

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai tahanan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditahan di depot-depot tahanan sepanjang tahun 2023.

35. PR-1531-L23968

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan kajian melibatkan akta-akta berkaitan warganegara dan jelaskan kelemahan-kelemahan yang ada dalam setiap akta-akta tersebut iaitu Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957, Akta Pendaftaran Negara 1959, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri, Akta Pasport 1966 dan Akta Imigresen 1959.

36. PR-1531-L22902

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kelulusan untuk permohonan projek menaik taraf bangunan-bangunan di Ibu Pejabat Polis Daerah Miri dan Balai Polis Pusat Miri yang sudah lama dalam keadaan usang dan buruk.

37. PR-1531-L22839
Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan aduan oleh rakyat yang diterima mengenai salah laku anggota PDRM dari tahun 2018-2023 dan pecahan mengikut jenis kesalahan dan daerah di Sarawak.
38. PR-1531-L23960
Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha pihak Kerajaan untuk menaik taraf pondok polis Felda Lubuk Merbau kepada balai polis berikutan kepadatan penduduk yang sangat tinggi di felda tersebut selain faktor jarak dengan balai polis berdekatan.
39. PR-1531-L23935
Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan usaha pemulihan penagih-penagih dadah di pusat-pusat pemulihan dadah di seluruh Malaysia. Berapa jumlah penagih-penagih yang sedang menjalani rawatan pemulihan di kawasan Saratok.
40. PR-1531-L23697
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini kerangka Kurikulum Persekolahan 2027. Bagaimanakah Kementerian mengatasi dilema penurunan Ujian PISA dan kurikulum masa kini yang dianggap terlalu susah yang menyebabkan kurang minat belajar, keciciran dan jurang prestasi antara luar bandar dan bandar.
41. PR-1531-L23791
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kementerian akan membuat pentaksiran semula ke atas tarif kadar elektrik yang meningkat di mana sedikit sebanyak memberi kesan kepada perbelanjaan bulanan rakyat M40 bermula Januari lalu.
42. PR-1531-L22877
Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah terdapat perancangan untuk penubuhan PPD Putatan bagi memudahkan menyelaras segala operasi pentadbiran pendidikan di sini dan bukan lagi menumpang PPD Penampang. Ini kerana berdasarkan data dari Jabatan Perangkaan Negeri Sabah, Putatan yang telah mendapat status Daerah penuh mempunyai populasi mencecah 68,811 pada Tahun 2020.

43. PR-1531-L24105

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) jumlah tangki air utama (menara) di Temerloh yang tidak berfungsi untuk menyimpan bekalan air kepada penduduk setempat; dan
- (b) prosedur untuk membina dan meluluskan pembinaannya.

44. PR-1531-L22907

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk mengecualikan kenaikan SST dari 6 peratus kepada 8 peratus bagi bil elektrik dan air yang membebankan rakyat susulan kenaikan kadar Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) dan apakah rasional kadar ICPT tidak diturunkan meskipun kos bahan api dunia menunjukkan trend penurunan yang mendadak.

45. PR-1531-L24079

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) insiden-insiden berunsur perkauman mengikut negeri mengikut laporan polis dan apakah punca insiden tersebut; dan
- (b) perancangan khusus Kementerian bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan orang ramai terhadap prinsip Rukun Negara.

46. PR-1531-L22876

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan sekolah baharu di Kawasan Berkepadatan Tinggi (Urban) bagi mengurangkan kesesakan di sekolah-sekolah yang sedia ada. Sehingga akhir Tahun 2022, sebanyak 23 sekolah di Sabah terpaksa beroperasi dengan menumpang di sekolah lain (isu sekolah tumpang).

47. PR-1531-L23898

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar buta huruf yang berlaku pasca COVID-19.

48. PR-1531-L23176
Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan perancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat India.
49. PR-1531-L22961
Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pelaksanaan cukai LVG khususnya kepada peniaga dan pengusaha mikro, kecil dan sederhana tempatan.
50. PR-1531-L23444
Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pihak Kementerian bersedia untuk membaik pulih kuarters anggota polis di IPD Pengkalan Hulu Perak kerana terlalu usang untuk didiami.
51. PR-1531-L23655
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa langkah yang telah diambil Kementerian untuk menyokong penglibatan pelajar sekolah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa selari dengan Dasar Pendidikan Digital Negara.
52. PR-1531-L22921
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan asas pertimbangan kementerian dalam pelaksanaan semula pelan rekalisasi pendatang asing (PATI) serta maklum balas daripada kedutaan negara sumber.
53. PR-1531-L22831
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian peruntukan dana SJK(T) melalui belanjawan 2024 dan bilangan SJK(T) tersenarai dalam perancangan semula sekolah daif.
54. PR-1531-L23779
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha dan pembaharuan Kementerian dalam meningkatkan taraf dan kualiti serta membaik pulih perumahan anggota polis bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terbela.

55. PR-1531-L22864

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status *Dual Language Program* (DLP) di peringkat sekolah pada masa ini serta adakah ianya dilaksanakan secara terpilih atau secara keseluruhan.

56. PR-1531-L23657

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ada kemungkinan Akta Cukai Kastam yang digunakan sekarang keatas rokok di Pulau Bebas Cukai ditarik semula untuk membantu merencanakan kembali ekonomi W.P. Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai Antarabangsa.

57. PR-1531-L23615

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan rekod bayaran semua operator pengurusan air di negeri-negeri terhadap aset milik Perbadanan Aset Air Berhad (PAAB) dan telah menjejaskan projek-projek baru seperti pembesaran loji.

58. PR-1531-L22973

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) apakah pelan khusus kebangsaan dalam mengurangkan pelepasan gas methane selaras komitmen Kerajaan dalam "*Global Methane Pledge*"; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan dalam memastikan ketersediaan dan keterbukaan data dalam laporan pelepasan gas methane seperti di EU dan China.

59. PR-1531-L24238

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pertambahan pendapatan negara apabila kadar cukai perkhidmatan ditingkatkan daripada 6% kepada 8%.

60. PR-1531-L23915

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kes-kes berkaitan 3R yang telah disiasat dan didakwa pasca PRU ke-15 melibatkan pemimpin politik daripada Pakatan Harapan (PH).

61. PR-1531-L23769

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meningkatkan gaji permulaan anggota polis yang berpangkat Konstabel dari RM1,441 memandangkan pengakuan Ketua Polis Negara baru-baru ini bahawa gaji rendah mereka tersebut adalah antara faktor mereka terlibat di dalam rasuah.

62. PR-1531-L24014

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak daripada strategi Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan dalam negara terhadap penjana keuntungan KWSP dan jelaskan pelan pengurusan risiko yang akan dilaksanakan Kerajaan.

63. PR-1531-L23675

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan pihak Kementerian bagi mitigasi masalah sumber air bagi memastikan *water security* negara jangka panjang terjamin, seperti sumber alternatif seperti desalinisasi.

64. PR-1531-L23453

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sepanjang tahun 2023 berapa ramai pegawai dan anggota polis yang dikenakan tindakan tatatertib termasuk dibuang kerja dan apa kesalahannya.

65. PR-1531-L22888

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) / Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah di seluruh negara.

66. PR-1531-L22963

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan strategi dan teknologi yang diguna pakai bagi mengawal pencerobohan hidupan liar di kawasan kebun, sekolah, perumahan dan sebagainya yang sering mengganggu serta menggugat keselamatan penduduk di luar bandar.

67. PR-1531-L23880

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan intervensi proaktif pihak Kementerian ke arah meningkatkan prestasi skor Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) termasuk domain literasi yang ditaksir seperti matematik, saintifik dan bacaan mengambil kira impak pandemik yang menyumbang insiden keciciran pembelajaran di peringkat global.

68. PR-1531-L22857

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pertimbangan bagi menstruktur semula tadbir urus Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut sempadan daerah sebenar susulan kerana birokrasi akibat perbezaan kawasan tadbir urus yang menyukarkan penduduk Kampung Ulu Pulai yang berada di daerah Pontian sedangkan urusan pentadbiran PDRM terletak di daerah Johor Bahru.

69. PR-1531-L23879

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan baharu Kementerian berhubung pembangunan Kurikulum Persekolahan 2027 mengambil kira kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 serta kurikulum persekolahan yang sedia ada.

70. PR-1531-L23931

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab kegagalan Kerajaan dalam mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 4-5 % bagi tahun 2023 dan apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk mencapai sasaran bagi tahun ini.

71. PR-1531-L22903

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kelulusan permohonan penambahbaikan Kompleks ICQS Sungai Tujoh dengan mengubahsuai fizikal struktur kaunter di laluan ketibaan dan perlepasan daripada bentuk tulang ikan kepada kedudukan seperti laluan tol untuk menangani kesesakan dan masa yang panjang bagi melepasi pemeriksaan.

72. PR-1531-L23135

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimanakah Malaysia berperanan dan beradaptasi terhadap intipati utama dari Konferens Perubahan Iklim PBB 2023 (COP 28).

73. PR-1531-L22948

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah mekanisme yang dirancang Kementerian dalam memastikan mutu dan perkhidmatan air di setiap negeri terjamin dan terurus. Bagaimanakah kementerian memantau pengurusan air yang lebih baik terutamanya di negeri-negeri yang kerap mengalami masalah bekalan air agar sejajar dengan kenaikan tarif air.

74. PR-1531-L23903

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kerangka utama beserta dengan langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan atau membina baru semua sekolah-sekolah daif di seluruh Malaysia khususnya bagi Sarawak dan Sabah. Apakah status perkembangan terkini pembangunan sekolah daif dan berapa anggaran peruntukan untuk membangunkan semua sekolah daif di Malaysia.

75. PR-1531-L22934

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini SK Orang Kaya Muda Pakeri, Kampung Paloh, Bahagian Mukah yang telah diisytiharkan tidak selamat untuk digunakan lagi. Bilakah bangunan sekolah akan dirobohkan dan dibina baharu.

76. PR-1531-L23443

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah kaedah dan garis panduan bagi memperkasakan undang-undang perlombongan nadir bumi (REE).

77. PR-1531-L22812

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) dasar dan panduan yang ditetapkan oleh Kementerian bagi memberikan autonomi kepada universiti di Malaysia; dan
- (b) bagaimana Kementerian boleh membantu menguruskan isu-isu berkaitan dengan kewangan dan kestabilan universiti swasta.

78. PR-1531-L22852

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kebersediaan Kerajaan dalam melipatgandakan program peningkatan tahap literasi digital guru sekolah di kawasan luar bandar dan apakah jenis program yang bakal dilaksanakan serta sasaran pertambahan bilangan guru cekap digital bagi tahun 2024.

79. PR-1531-L23939

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kontraktor-kontraktor kecil dan sederhana yang menjalankan kawalan keselamatan, penjagaan kebersihan dan bekalan makanan bermasakan ke sekolah-sekolah mendapat bayaran dalam tempoh 14 hari selepas membuat tuntutan seperti termaktub dalam kontrak yang mereka tandatangani.

80. PR-1531-L23772

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan sebab-sebab kejatuhan nilai mata wang Ringgit dan apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan untuk mengukuhkan kembali nilai Ringgit.

81. PR-1531-L23869

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbandingan jumlah subsidi Kerajaan yang diperuntukkan mengikut kategori dan mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar agar tiada golongan yang tercicir serta tidak membebankan rakyat.

82. PR-1531-L22838

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci :-

- (a) status projek bina baru atau baik bulih bekola-sekolah daif di Malaysia; dan
- (b) jumlah sekolah daif skala 6 dan 7 yang belum diangkat untuk diluluskan di bawah program pembinaan sekolah daif mengikut negeri.

83. PR-1531-L23842

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk insentif dan sokongan yang ditawarkan kepada institusi pendidikan awam bagi menggalakkan lebih banyak universiti-universiti tempatan mengambil bahagian dalam pelaksanaan kajian unsur nadir bumi (REE).

84. PR-1531-L23021

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan mekanisme pemantauan yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan pembiayaan RM320 juta bagi menyelesaikan isu bekalan air di Sabah memenuhi tatakelola dan tadbir urus yang baik.

85. PR-1531-L22970

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah prestasi Kumpulan Wang Amanah Persaraan tidak berupaya mengurangkan implikasi fiskal terhadap saraan pencen penjawat awam; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai perancangan supaya KWSP berubah dalam penekanan daripada manfaat berasaskan persaraan kepada skim perlindungan sosial yang lebih menyeluruh.

86. PR-1531-L22889

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek-projek yang telah diluluskan beberapa tahun yang lalu tetapi belum lagi dilaksanakan di Parlimen Serian, SK Sri Sadong, SMK Serian II dan bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Serian.

87. PR-1531-L23723

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah diambil oleh Jabatan Imigresen untuk mengatasi masalah kesesakan dan kelewatan meluluskan kemasukan pelawat asing di KLIA dan semua lapangan terbang antarabangsa di Malaysia. Adakah Kerajaan akan menambah pegawai imigresen di semua lapangan terbang antarabangsa.

88. PR-1531-L22960

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan status terkini kemajuan program atau inisiatif keusahawanan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap sosioekonomi golongan Bumiputera.

89. PR-1531-L24280

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memperkukuhkan kembali nilai mata wang Ringgit Malaysia.

90. PR-1531-L24354

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan garis masa, intipati serta penilaian keberkesanan bagi penggubalan Akta Perolehan serta apakah langkah kawalan demi ketelusan dalam perolehan semasa tempoh peralihan penggubalan.

91. PR-1531-L22772

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian dalam mengimbangi kepentingan kesenian dan kebebasan berekspresi dan keharmonian negara dalam menapis mana-mana filem dan produk seni di Malaysia.

92. PR-1531-L23235

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan peruntukan Kerajaan untuk program memperingati rakyat Malaysia yang terkorban dalam Perang Dunia Kedua dan juga untuk memperingati tamatnya perang ini, serta senaraikan semua program peringatan yang telah dijalankan dalam tahun 2022, 2023 dan 2024.

93. PR-1531-L23918

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang telah diambil pihak Kerajaan bagi memastikan berlaku peningkatan kadar kutipan hasil cukai Kerajaan melebihi kadar 12% daripada KDNK agar lebih banyak program pemulihan ekonomi dapat dirancakkan.

94. PR-1531-L23163

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peruntukan setiap tahun dari tahun 2018 hingga ke tahun 2023 yang telah dibelanjakan oleh pihak Kementerian di Sabah untuk kerja-kerja operasi dan selenggara di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dan jumlah panjang jalan yang terlibat.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.""

Menyambung semula perbahasan atas masalah (5 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 7. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

13. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

14. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

15. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

16. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

17. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

18. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

20. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

21. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

23. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
CMD. 2	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022	6 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
06.03.2024 (Rabu)	1. YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias (Jelebu)	1. Pembangunan Kedai Dua Tingkat di bawah UDA Holdings Berhad 2. Penaiktarafan Kawasan Pelancongan di Jelebu	1. YB Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi 2. YB Menteri Pelancongan, Seni Dan Budaya
	2. YB Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)	3. Penjelasan Mengenai Pendakwaan Terpilih Himpunan #ManaKapalLCS dan Agenda Reformasi Akta Perhimpunan Awam 2012 4. Pelan Implementasi Reformasi Institusi	3. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 4. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**